

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 11 FEBRUARI 2014 (SELASA)**

<b>Bil</b>	<b>Tajuk</b>	<b>Akhbar</b>
1.	Pelajar cipta sejadah interaktif	Sinar Harian
2.	Respite from the dry spell	The Star
3.	Lynas bangunkan tiga sisa jadi produk komersial	Utusan Malaysia

**KERATAN AKHBAR**  
**SINAR HARIAN (AKTIVITI) : MUKA SURAT 50**  
**TARIKH: 11 FEBRUARI 2014 (SELASA)**

## **Pelajar cipta sejadah interaktif**

**BERMULA** dengan niat membimbing golongan muafak dan kanak-kanak menunaikan solat dengan betul, dua pelajar Kolej Technology Park Malaysia (Kolej TPM) berjaya mencipta sejadah interaktif pertama di Malaysia.

Pelajar tahun akhir Diploma Bioteknologi, Nik Noor Syamimi Ismail, 20, dan pelajar tahun akhir Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Norshakirin Nazarudin, 24, gigih menyiapkan prototaip yang dinamakan SmartSolat dalam masa kurang sebulan.

"Kami tidak menyangka akan menang, apatah lagi mendapat tempat pertama kerana kami lihat semua produk inovasi yang dihantar hebat-hebat belaka. Niat kami mahu membantu Muslimin terutamanya muafak dan kanak-kanak belajar solat dengan seronok," kata Norshakirin.

Kisah menarik inovasi mereka bermula apabila 10 pelajar Kolej TPM menyertai bengkel Cabaran MyIdeas anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (Mosti) pada 2013 di mana pelajar berpeluang mengemukakan draf idea masing-masing. Idea sejadah interaktif Noor Syamimi terpilih ke peringkat seterusnya dan menyertai Bengkel Idea Mentoring Cabaran MyIdeas 2013.

"Alhamdulillah, dengan sokongan yang diberikan ramai pihak, prototaip kami menang dan dapat tempat pertama," kata Syamimi.

**Demonstrasi menggunakan prototaip sejadah interaktif rekaan Nik Noor Syamimi dan Norshakirin.**



# Respite from the dry spell

## Showers and thunderstorms expected

**PETALING JAYA:** Despite earlier forecasts of a long dry spell, Malaysians can expect showers and thunderstorms by mid-week with rain bearing winds heading towards the country.

The Meteorological Department National Weather Centre director, Muhammad Helmi Abdullah, said the dry spell is expected to last till mid-March. However, he added, the easterly winds from the Pacific Ocean will bring rain.

He said Sabah and Sarawak were already experiencing isolated rain and thunderstorms due to the wind and it will soon progress to the peninsula states by mid-week.

Perak, Selangor, Malacca, Negri Sembilan, Terengganu, Pahang and Johor are expected to see more thunderstorms and showers, he said.

"The easterly wind is rather moist and we are starting to see more build-up of clouds compared to mid-January.

"The build-up of clouds indicates there is more moisture, thus, the possibility of thunderstorms and rain," Muhammad Helmi said yesterday.

However, the northern states will be experiencing the dry spell with temperatures up to 35°C.

This is a normal phenomenon during the tail-end of the monsoon season.

Muhammad Helmi said the nights would be less cool compared to January, when some parts of the country experienced cold spells due to dry winds from China.

Meanwhile, Fomca deputy secretary-general Foon Weng Lian said consumers should be mindful of their use of water and electricity during the hot spell.

He said the hot weather would also affect transmission lines and reduce their efficiency.

"So, to avoid electricity overload or trips, don't keep your electrical appliances on for too long," he advised.

Foon said consumers should not be overly dependent on air conditioners and, instead, look for ways to improve natural ventilation at home.

"Open up your windows to let the natural air in for a while before switching on the air-conditioner," said Foon.



### The haze is back

A fisherman's boat passing by the Penang bridge, which is not too visible due to the haze in the state. The Air Pollutant Index (API) reading for areas surrounding Universiti Sains Malaysia stood at 50 yesterday. Seberang Jaya 2 recorded a reading of 47 while other areas in Prai had a reading of 41. An API reading between 0-50 is considered good. Last year, several states were badly affected by the haze with some API readings reaching hazardous levels. — Bernama



**KERATAN AKHBAR**  
**UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI) : MUKA SURAT 12**  
**TARIKH: 11 FEBRUARI 2014 (SELASA)**

## Lynas bangun tiga sisa jadi produk komersial

KUANTAN 10 Feb. - **Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Lynas)** berjaya membangunkan tiga bahan sisa kilang memproses nadir bumi itu iaitu Gypsum Sintetik (FGD), Gypsum Magnesium (NUF) dan Fosfogypsum Besi (WLP) menjadi produk komersial.

Pengarah Urusannya, Datuk Mashal Ahmad berkata, produk yang dihasilkan itu menepati ciri-ciri diperlukan iaitu tidak radioaktif, tidak larut resap dan tidak toksik.

"Produk komersial yang telah dikenal pasti untuk FGD ialah papan *gypsum*, NUF (*fertilizer*) manakala WLP adalah produk asas jalan yang dikenali sebagai *Road Base 10* (RB10).

"Untuk produk FGD dan NUF yang merupakan bahan sisa bukan

radioaktif, Lynas telah ada pelanggan dari luar negara yang berminat membeli dua produk itu," katanya dalam sidang akhbar selepas Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara Universiti Malaysia Pahang (UMP) dan Lynas serta penyerahan Sistem Pemantauan Aerosol (AMS) di UMP Kampus Gambang di sini hari ini.

Yang turut hadir, Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Penasihat Keselamatan Radiologi Lynas, Prof. Dr. Ismail Bahari.

Mashal berkata, melalui penghasilan produk komersial berkenaan, syor supaya Lynas menyediakan kemudahan pelupusan tetap (PDF) untuk sisa yang dihasilkan kilang memproses nadir bu-

mi itu sudah lagi tidak relevan.

"Ini kerana kita telah berjaya menjadikan sisa ini sebagai produk yang bukan lagi radioaktif, larut resap dan toksik, jadi, apa saya boleh katakan di sini adalah tidak relevan lagi untuk kita menyediakan PDF.

"Apa diharap tiada lagi isu berhubung sisa kilang ini yang sebelum ini menjadi bualan pelbagai pihak kononnya akan membahayakan orang ramai khususnya yang berada di kawasan berdekatan kilang ini," katanya.

Beliau dalam pada itu berkata, setelah 13 bulan memulakan operasi, bacaan untuk radiasi, pelepasan udara dan air sebelum serta semasa kilang itu beroperasi adalah sama.



**MASHAL** Ahmad (dua dari kanan) berkata sesuatu kepada Daing Nasir Ibrahim (dua dari kiri) sambil diperhatikan oleh Ismail Bahari (kanan) dan Pengarah Pusat Nadir Bumi UMP, Prof. Datuk Dr. Ir. Badhrulhisham Abdul Aziz (kiri) pada majlis MoA antara UMP dan Lynas Malaysia di UMP, Kuantan, Pahang, semalam.